

15 JAN 2002

Mahathir-Bantuan (Bergambar)

JANGAN TERUS BERGANTUNG KEPADA PIHAK LAIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata golongan kurang bernasib baik termasuk anak-anak yatim perlu berusaha untuk membebaskan diri daripada terus bergantung kepada pihak lain untuk menyara kehidupan.

Perdana Menteri berkata setiap orang di negara ini sama ada yatim atau tidak, bertanggungjawab untuk menentukan kebahagiaan hidup diri masing-masing.

"Kita hendak supaya warga Malaysia terdiri daripada mereka yang mempunyai perasaan yang sombong sedikit tentang menerima bantuan," katanya pada majlis penyampaian bantuan persekolah kepada anak-anak yatim Wilayah Persekutuan di bangunan Tabung Haji di sini.

Dr Mahathir berharap mereka ini akan berusaha untuk membiayai diri sendiri dan tidak bergantung kepada bantuan.

"Sikap terlalu berharap kepada bantuan akan menjadikan diri seseorang itu lemah," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, anak-anak yatim yang menerima bantuan bukan sahaja harus bersyukur dengan bantuan yang diperolehi itu malah seboleh-bolehnya, membalasnya dengan menumpukan perhatian kepada pelajaran.

Mereka tidak harus membazir masa, mereka harus belajar dengan tekun untuk mencapai kelulusan tertinggi mungkin, katanya.

"Dengan itu mereka akan bertanggungjawab terhadap diri mereka dan bantuan yang diberikan kepada mereka tidak sia-sia," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata dengan ilmu yang diperolehi daripada pelajaran, anak-anak yatim dan mereka yang kurang bernasib baik yang dahulunya menerima bantuan, akan mampu bekerja dan memperolehi pendapatan yang tinggi.

Setelah berjaya, mereka boleh pula menderma bagi membantu golongan tidak bernasib baik seperti mereka dahulu, katanya.

Perdana Menteri gembira dengan perhatian berat yang diberikan oleh dermawan terhadap golongan tidak bernasib baik seperti Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menganjurkan majlis itu.

Katanya, dermawan yang terdiri daripada orang Islam dan bukan Islam turut menyumbang kepada persatuan itu dan tindakan persatuan itu untuk turut memberi bantuan kepada anak yatim bukan Islam adalah bertepatan.

Dengan berbuat demikian, anak-anak yatim yang bukan Islam akan ingat kepada bantuan yang diterima daripada badan kebajikan Islam manakala anak-anak yatim Islam pula akan ingat bahawa orang bukan Islam ialah antara dermawan yang memberi bantuan kepada mereka.

"Dengan cara ini perpaduan dapat disemai di peringkat awal lagi," kata Dr Mahathir.

Sebanyak 255 pelajar sekolah rendah dan menengah, terdiri daripada anak-anak yatim Islam dan bukan Islam, menerima bantuan persekolahan antara RM150 dan RM250 seorang.

Bantuan itu yang disampaikan oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, berjumlah RM76,200.

Pada majlis yang sama, Dr Mahathir turut menerima sumbangan derma daripada pertubuhan kebajikan, syarikat dan individu untuk mengisi tabung Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Menurut Naib Yang Dipertuanya Tan Sri Mohd Amin Osman, persatuan itu

telah mengeluarkan bantuan persekolahan berjumlah RM1.2 juta kepada anak-anak yatim sejak ia ditubuhkan pada 1989.

-- BERNAMA

AFY RV MAI